

PELANTIKAN RASMI YANG DIPERTUA KOPERASI MEDIA PRIMA BERHAD



Encik Rosli Sabarudin Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan Media Prima Berhad (kiri gambar) bersama Puan Rodziah Jamaah Pengurus Besar Kopmedia dan Encik Amir Mat Kupli Pengurus Pemasaran Strategik dan Operasi Kopmedia.

16 Mei 2025 – Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan Media Prima Berhad, Encik Rosli Sabarudin, telah dilantik sebagai Yang Dipertua Koperasi Media Prima Berhad (KOPMEDIA) bermula 16 Mei 2025.

Beliau menggantikan Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman yang bersara pada 15 Januari 2025.

Pelantikan Encik Rosli merupakan satu penghormatan dan pengiktirafan terhadap kepimpinan beliau yang disokong penuh oleh pihak syarikat dalam usaha memperkasa koperasi.

Ahli Lembaga Koperasi dan pengurusan KOPMEDIA amat mengalu-alukan khidmat nasihat khususnya dari segi kewangan, bagi memperkukuhkan struktur ekonomi dalaman dan meningkatkan prestasi keseluruhan operasi.

Sebagai langkah ke hadapan, tadbir urus KOPMEDIA akan diberi penambahbaikan secara menyeluruh, selaras dengan matlamat untuk menjadi sebuah koperasi yang mampan, telus dan memberi manfaat maksimum kepada anggotanya.

Di harap di bawah kepimpinan beliau selaku YDP, Koperasi Media Prima Berhad akan terus berkembang maju dan memberi impak yang lebih besar kepada warga kerja serta komuniti sekeliling.

#kopmedia

#majukoperasianggotabahagia